

R

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACH-8A92

INVC. NMS 26/1/2008

**PERANAN MEDIA CETAK  
DALAM DAKWAH DI MALAYSIA:  
KAJIAN KHUSUS TENTANG PENERBITAN MEDIA  
CETAK JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**MOHAMAD BIN SAARI**

**BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**

**1998**

Perpustakaan Universiti Malaya



A509084655

Diklifikasikan pada..... 15.05.2000

No. Mikrofis..... 14639

Jumlah Mikrofis..... 5

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI

UPR UNIT REPROGAFI  
PERPUSTAKAAN UTAMA  
UNIVERSITI MALAYA

**PERANAN MEDIA CETAK  
DALAM DAKWAH DI MALAYSIA:  
KAJIAN KHUSUS TENTANG PENERBITAN MEDIA  
CETAK JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**MOHAMAD BIN SAARI**

**Disertasi ini  
dikemukakan untuk memenuhi  
keperluan Ijazah Sarjana Usuluddin**

**BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**

**1998**

## **PENGAKUAN**

**Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri,  
kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang  
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.**

7 Jamadilawal 1419  
29 Ogos 1998

  
**MOHAMAD BIN SAARI**  
**UUD 9601**

## **PENGHARGAAN**

Segala pujian dirafakkan ke hadrat Allah (s.w.t.) Tuhan sarwa alam, selawat dan salam diucapkan ke atas Nabi Muhammad (s.a.w.), semulia-mulia nabi dan rasul, ahli keluarganya, dan para sahabatnya sekalian.

Penulis berasa syukur, kerana dengan kurniaan Allah (s.w.t.), penulisan ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kesempatan di ruangan ini, penulis merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Abd. Aziz bin Mohd. Zin, Ketua Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, kerana menyelia penulisan ini, dan tidak jemu-jemu memberi panduan, tunjuk ajar serta dorongan sehingga penulisan ini dapat disempurnakan.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan penulisan ini, khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang banyak memberi maklumat, serta penerbit-penerbit kerajaan dan swasta seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Berita Publishing Sdn. Bhd., Utusan Melayu (Malaysia) Bhd., Thinker's Library Sdn. Bhd., Penerbit Al-Hidayah, Pustaka Ilmi, Darul Nu'man, Pustaka Salam, Hizbi, Pustaka Hj. Abdul Majid, Pustaka Syuhada', dan Fargoes Sdn. Bhd., dan juga agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan yang lain seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Angkatan Belia Islam Malaysia, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, kerana telah memberi kemudahan, kerjasama dan maklumat kepada penulis.

Penulis juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Pengarah Bahagian Penerbitan JAKIM, rakan-rakan sejawat di JAKIM, terutamanya pegawai dan kakitangan di Bahagian Penerbitan, kerana turut memberi maklumat-maklumat penting dalam kajian ini. Tidak lupa kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, penghargaan dan terima kasih juga diucapkan atas nasihat dan pandangan serta bantuan tenaga dan fikiran yang diberikan kepada penulis sepanjang tempoh pengajian di universiti ini.

Untuk bonda dan ayah yang telah pergi, rantaian doa sentiasa dipanjatkan ke hadrat Ilahi agar dosa-dosa diampuni, serta kehidupan di alam selepas dunia ini sentiasa dirahmati. Bagi para guru yang bersusah payah mendidik dan mengajar penulis sehingga menjadi insan yang sedar akan erti kehidupan ini, ungkapan terima kasih bukanlah kata-kata yang sepadan untuk diucapkan, hanya kepada Allah sahaja dipohon agar budi baik kalian diberi ganjaran sewajarnya. Istimewa buat isteri dan anak-anak, jambangan bunga kasih dipersembahkan atas perhatian, kesabaran dan kasih sayang yang mendorong penulis terus menimba ilmu bagi menambahkan pengetahuan.

Semoga usaha yang sedikit ini mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah (s.w.t.) juga.

Mohamad bin Saari,  
Lot 8685, Jalan Nakhoda Dalam, Kampung Nakhoda,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

## **ABSTRAK**

**Islam tersebar kepada manusia atas usaha dakwah yang dilaksanakan melalui pelbagai wasilah. Salah satu wasilah dakwah yang penting dan digunakan secara meluas ialah media cetak. Di Malaysia, dakwah melalui media cetak dilakukan oleh banyak pihak, antaranya ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau ringkasnya JAKIM, iaitu sebuah jabatan kerajaan yang berwenang dalam pentadbiran Islam di peringkat pusat. Kegiatan ini dilihat sebagai satu usaha suci murni untuk menegakkan cita-cita Islam seperti yang diperintahkan oleh Allah (s.w.t.). Persoalannya, sejauh manakah agensi ini benar-benar berperanan secara berkesan dalam bidang ini untuk mencapai cita-cita tersebut? Untuk itu maka kajian ini cuba menyingskap usaha-usaha yang telah dijalankan oleh JAKIM dalam bidang ini, menggarap aspek-aspek kualiti dan kuantiti terbitannya, serta mencungkil kekuatan dan kelemahan dalam setiap urusan yang bersangkut dengan pelaksanaan aktiviti tersebut. Kajian ini diakhiri dengan pengemukaan beberapa saranan ke arah memertabatkan usaha dakwah melalui media cetak ini sebagai satu kegiatan dakwah yang benar-benar berkesan.**

## **ABSTRACT**

**Islam is disseminated to mankind through the efforts of propagation by various ways and means. One of the important ways and means used extensively is the print media. In Malaysia, propagation through the print media is carried out by many quarters, among them the Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM, a government department in charge of Islamic administration at the federal level. This activity is seen as a noble effort to uphold Islamic aspirant as commanded by Allah (s.w.t.). The question is how far is the agency really effective in its functions in this field to achieve the aspirant? For that matter, this study tries to reveal the efforts carried out by JAKIM in this field, list out the aspects of quality and quantity of its publications, and expose the strengths and weaknesses in managing the implementation of the related activities. This study will finally put forward recommendations towards the uplift of the efforts to propagate Islam through the print media as a truly effective activity of propagation.**

## KANDUNGAN

PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI CARTA	xiv
SINGKATAN	xv
PANDUAN TRANSLITERASI	xviii
PENDAHULUAN	xx

## BAB I

<b>MEDIA CETAK DAN DAKWAH</b>	1
1.1. Media Cetak Dari Sudut Sejarah	1
1.2. Peranan Media Cetak	7
1.3. Peranan Media Cetak Dalam Dakwah	14
1.3.1. Latar Belakang Kegiatan Penulisan Pada Zaman Permulaan Islam	16
1.3.2. Penghasilan Media Cetak Dakwah Dan Peranannya	22
1.4. Media Cetak Dakwah Di Malaysia	31
1.4.1. Latar Belakang Penulisan Dakwah Pada Zaman Permulaan Kedatangan Islam	31
1.4.2. Penghasilan Buku Dan Kitab Islam	33
1.4.3. Akhbar Dan Majalah Sebagai Media Dakwah	38
1.4.4. Dakwah Melalui Bidang Kesusasteraan	43

1.5.	Masalah Media Cetak Dakwah Di Malaysia	49
1.5.1.	Masalah Kekurangan Penghasilan Karya	50
1.5.2.	Masalah Dalam Pengurusan Organisasi	54
1.5.3.	Masalah Kewangan	56
1.5.4.	Masalah Persempahan Isi Dan Bentuk Fizikal	57
1.5.5.	Masalah Pemasaran	61
<b>BAB II</b>		
<b>MEDIA CETAK JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)</b>		64
2.1.	Pengenalan JAKIM	64
2.1.1.	Sejarah Dan Latar Belakang Penubuhan	64
2.1.2.	Struktur Organisasi	67
2.1.3.	Visi Dan Misi	69
2.1.4.	Objektif Dan Fungsi	69
2.1.5.	Aktiviti	70
2.2.	Latar Belakang Aktiviti Penerbitan Media Cetak JAKIM	73
2.2.1.	Sejarah Penubuhan Bahagian Penerbitan	74
2.2.2.	Organisasi Bahagian Penerbitan	75
2.2.3.	Dasar, Objektif Dan Fungsi Penerbitan Media Cetak	77
2.3.	Penerbitan Media Cetak JAKIM	81
2.3.1.	Penerbitan Buku	81
2.3.2.	Penerbitan Jurnal	113
2.3.3.	Penerbitan Majalah	120
2.3.4.	Penerbitan Buletin	125
2.3.5.	Penerbitan Risalah	127

2.3.6. Penerbitan Lain	134
2.4. Sambutan Masyarakat Terhadap Media Cetak JAKIM	136
2.4.1. Penyebaran Media Cetak JAKIM	137
2.4.2. Penerimaan Masyarakat	148
 <b>BAB III</b>	
<b>MASALAH MEDIA CETAK JAKIM</b>	156
3.1. Masalah Pengeluaran	156
3.1.1. Pengeluaran Yang Rendah	156
3.1.2. Pengeluaran Tidak Seimbang Mengikut Bidang Dan Bahasa	159
3.1.3. Pengeluaran Tidak Tekal	164
3.2. Masalah Pengurusan	173
3.2.1. Masalah Struktur Organisasi	173
3.2.2. Masalah Kurang Kemahiran	177
3.2.3. Masalah Peraturan Penerbitan	182
3.3. Masalah Kewangan	188
3.3.1. Peruntukan Kewangan Yang Terhad	188
3.3.2. Peningkatan Kos Pengeluaran	193
3.4. Masalah Persembahan Isi Dan Bentuk Fizikal	195
3.4.1. Masalah Isi Kandungan	195
3.4.2. Masalah Bentuk Fizikal	204
3.5. Masalah Pemasaran	212
3.5.1. Masalah Keluaran	213
3.5.2. Masalah Harga	215
3.5.3. Masalah Pengedaran	218
3.5.4. Masalah Promosi	227

**BAB IV**

<b>PENINGKATAN MEDIA CETAK JAKIM</b>	233
4.1. Cita-cita Dan Cabaran Media Cetak JAKIM	233
4.1.1. Permasalahan Yang Wujud	234
4.1.2. Strategi Dakwah JAKIM Melalui Media Cetak	237
4.2. Peningkatan Yang Perlu Dilakukan	239
4.2.1. Aspek Pengeluaran	241
4.2.2. Aspek Pengurusan	248
4.2.3. Aspek Kewangan	262
4.2.4. Aspek Persempahan Isi Dan Bentuk Fizikal	268
4.2.5. Aspek Pemasaran	281
4.3. Masalah Peningkatan	294
4.3.1. Keupayaan Sebagai Penerbit Kerajaan	294
4.3.2. Karenah Birokrasi	297

**BAB V**

<b>PENUTUP</b>	301
5.1. Kesimpulan	301
5.2. Saranan	315

<b>BIBLIOGRAFI</b>	321
--------------------	-----

<b>LAMPIRAN</b>	
-----------------	--

## **SENARAI JADUAL**

1.1.	Perbelanjaan Bagi Aktiviti Penerbitan YADIM, PERKIM Dan RISEAP Tahun 1991 Hingga 1995	57
2.1.	Jawatan-Jawatan Dalam Bahagian Penerbitan JAKIM	76
2.2.	Pembahagian Pegawai Dan Kakitangan Bahagian Penerbitan Mengikut Unit	78
2.3.	Prestasi Penerbitan Buku Jualan JAKIM Dari Tahun 1968 Hingga 1997 Mengikut Bidang	82
2.4.	Prestasi Penerbitan Buku Percuma JAKIM Dari Tahun 1968 Hingga 1997 Mengikut Bidang	109
2.5.	Jumlah Rencana Dalam <i>Jurnal Darul Qur'an (JDQ)</i> Mengikut Bahasa	119
2.6.	Penerbitan Risalah JAKIM Dari Tahun 1968 Hingga 1997 Mengikut Siri Dan Jenis	130
2.7.	Jumlah Penerbitan Risalah Mengikut Bahasa	133
2.8.	Contoh Cadangan Penetapan Harga Buku JAKIM	139
2.9.	Hasil Jualan Terbitan JAKIM Dari Tahun 1985 Hingga 1997	143
2.10.	Anggaran Kasar Naskhah Cetakan Bagi Jenis Media Cetak JAKIM Mengikut Tahun Dari Tahun 1993 Hingga 1997	149
2.11.	Risalah Yang Diulang Cetak Pada Tahun 1997	152
2.12.	Taburan Jualan Buku JAKIM Mengikut Bidang Dari Tahun 1994 Hingga 1997	153
2.13.	Jumlah Naskhah Jualan Jurnal Mengikut Tahun Dari Tahun 1994 Hingga 1997	155

3.1.	Prestasi Penerbitan Media Cetak Beberapa Agensi Kerajaan Dan Pertubuhan Sehingga 1997 Berbanding Keluaran Bahagian Penerbitan JAKIM	158
3.2.	Jumlah Penerbitan Buku Oleh Beberapa Penerbit Buku Islam Swasta Sehingga Tahun 1997 Berbanding Keluaran Bahagian Penerbitan JAKIM	159
3.3.	Jumlah Terbitan Buku Jualan Bahagian Penerbitan JAKIM Mengikut Bidang	160
3.4.	Penerbitan Buku Oleh Penerbit Darul Nu'man Mengikut Bidang	161
3.5.	Jumlah Penerbitan Buku Percuma JAKIM Mengikut Bidang	162
3.6.	Penerbitan <i>Jurnal Penyelidikan Islam</i> Mengikut Tahun	167
3.7.	Penerbitan <i>Jurnal Hukum</i> Mengikut Tahun	168
3.8.	Petugas Penerbitan JAKIM Yang Mengikuti Kursus Penerbitan	179
3.9.	Tempoh Masa Perkhidmatan Pegawai Di Bahagian Penerbitan	181
3.10.	Peruntukan Belanja Mengurus Bahagian Penerbitan Berbanding Peruntukan Belanja Mengurus JAKIM Bagi Tahun-Tahun 1995, 1996 Dan 1997	189
3.11.	Pelaksanaan Dan Pencapaian Beberapa Aktiviti Penerbitan JAKIM Tahun 1996, 1997 Dan 1998	190
3.12.	Nombor ISSN Bagi Terbitan Bersiri JAKIM	210
3.13.	Jumlah Naskhah Buku JAKIM Yang Terjual Dari Tahun 1994 Hingga 1997 Mengikut Bidang	214
3.14.	Hasil Jualan Buku-Buku JAKIM Di Luar JAKIM Tahun 1995	224
3.15.	Hasil Jualan Buku-Buku JAKIM Di Luar JAKIM Tahun 1996	225

## **SENARAI CARTA**

2.1.	Prestasi Penerbitan Risalah Mengikut Siri Dari Tahun 1968 Hingga 1997	132
3.1.	Prestasi Penerbitan Buku JAKIM Mengikut Tahun	165
3.2.	Prestasi Penerbitan Risalah Mengikut Tahun	170

## SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AS	Amerika Syarikat
ASAS 50	Angkatan Sasterawan 50
BAHEIS	Bahagian Hal Ehwal Islam
Bhd.	Berhad
Bil.	Bilangan
Cet.	Cetakan
cm	Sentimeter
Corp.	<i>Corporation</i>
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
dlm.	Dalam
DPNI	Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam
Dr.	Doktor
Drs.	Doktorandus
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
ed.	Editor, pengarang atau penyusun
eds.	Lebih daripada seorang editor atau penyusun
GAPIM	Gabungan Penulis-penulis Islam Malaysia
H	Hijriyah
hlm.	Halaman
Ibid.	<i>ib.idem</i> - dalam buku, halaman, bab yang sama seperti yang disebut sebelumnya
IKATAN	<i>Bumiputera Book Publishers Association</i>
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
ILIM	Institut Latihan Islam Malaysia
Inc.	<i>Incorporated</i>
INDAH	Institut Dakwah Dan Latihan Islam
ISBN	<i>International Standard Book Number</i>
ISSN	<i>International Standard Serial Number</i>
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

JDQ	Jurnal Darul Quran
Jld.	Jilid
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KAFA	Kelas al-Qur'an dan Fardu Ain
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
LEPAI	Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam
loc. cit.	<i>loco citato</i> - sama dalam bahan yang telah dirujuk sebelumnya, tetapi telah dilangkaui satu rujukan yang lain
Ltd.	<i>Limited</i>
M	Masihi
m.	Meninggal dunia
MABIMS	Pertemuan Tidak Rasmi Menteri Agama Negeri-Negeri Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura
MABOPA	<i>Malaysian Book Publishers Association</i>
MAMPU	Unit Permodenan Tadbiran Malaysia
MBSA	<i>Malaysian Book Sellers Association</i>
MKI	Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia
NST	<i>The New Straits Times</i>
OIC	Pertubuhan Persidangan Islam
op. cit.	<i>opere citato</i> - sama dalam bahan yang telah dirujuk sebelumnya, tetapi telah dilangkaui oleh beberapa rujukan lain
Pent.	Penterjemah
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
Ph.D	<i>Doctor of Philosophy</i>
PKBM	Persatuan Kontraktor Buku Malaysia
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
PNMB	Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Prof.	Profesor
PWTC	Pusat Dagangan Dunia Putra
r.a.	<i>Radiyallāhu `anhu</i>
RISEAP	<i>Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia and the Pacific</i>

RM	Ringgit Malaysia
s.a.w.	<i>Sallallāhu `alaihi wa sallam</i>
S.M.	Sebelum Masihi
s.w.t.	<i>Subḥānahu wa Ta`ālā</i>
Sdn.	Sendirian
SMN	Suara Masjid Negara
SOM	Mesyuarat Pegawai-Pegawai Tinggi MABIMS
SPP	Surat Pekeliling Perbendaharaan
SRM	<i>Survey Research Malaysia</i>
t.pt.	Tanpa penerbit
t.th.	Tanpa tarikh
Terj.	Terjemahan
TV	Televisyen
USA	<i>United States of America</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation</i> (Pertubuhan Pelajaran Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu)
Vol.	<i>Volume</i>
Y. Bhg.	Yang Berbahagia
YAB	Yang Amat Berhormat
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
YAPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
YB	Yang Berhormat
YTM	Yang Teramat Mulia
(1978): 172	Bermaksud bahan rujukan diterbitkan tahun 1978, halaman 172.
(1985) 21: 424	Bermaksud bahan rujukan diterbitkan tahun 1985, jilid atau volume 21, halaman 424.

## PANDUAN TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam disertasi ini adalah berdasarkan ejaan Rumi baru bahasa Malaysia mengikut pedoman *Daftar Ejaan Bahasa Malaysia* (1981), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Manakala perkataan, frasa dan nama-nama khas dalam bahasa Arab pula adalah mengikut kaedah transliterasi yang digunakan di peringkat antarabangsa dan selaras dengan kaedah transliterasi huruf Arab-Rumi dalam *Gaya Dewan: Sebuah Panduan Kerja Penerbitan* (1990), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur seperti berikut:

Abjad	Sebutan Arab	Transliterasi Rumi
ا	(alif)	a
ب	(bā')	b
ت	(tā')	t
ث	(thā')	th
ج	(jīm)	j
ه	(hā')	h
خ	(khā')	kh
د	(dāl)	d
ذ	(dhāl)	dh
ر	(rā')	r
ز	(zāy)	z
س	(sīn)	s
ش	(shīn)	sh
ص	(ṣād)	ṣ
ض	(dād)	ḍ

ء	( <i>tā'</i> )	!
ط	( <i>zā'</i> )	z
غ	( <i>'ayn</i> )	'
ح	( <i>ghyn</i> )	gh
ف	( <i>fā'</i> )	f
ق	( <i>qāf</i> )	q
ك	( <i>kāf</i> )	k
ل	( <i>lām</i> )	l
م	( <i>mīm</i> )	m
ن	( <i>nūn</i> )	n
و	( <i>wāw</i> )	w
ه	( <i>hā'</i> )	h
ء	( <i>hamzah</i> )	'
ڻ	( <i>yā'</i> )	y
ڻ	( <i>tā' marbūtah</i> )	h (ketika dimatikan bunyinya). ڻ (ketika perlu dihadupkan bunyinya).

## PENDAHULUAN

Media cetak merupakan alat perhubungan yang paling berkesan dalam bidang komunikasi manusia dan telah mengambil ruang lebih tiga perempat daripada kegiatan perhubungan awam. Peranannya adalah luas dalam menyalurkan pelbagai mesej dan informasi untuk faedah manusia. Dalam konteks Islam, ia digunakan sebagai salah satu wasilah untuk menyampaikan dakwah.

Berdasarkan peranan dan kesan media cetak begitu besar kepada manusia, JAKIM telah menjadikan bidang ini sebagai satu aktiviti dakwahnya kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, setakat ini belum dikenalpasti sejauh mana aktiviti tersebut menjadi satu usaha yang signifikan dalam perkembangan dakwah di negara ini, justeru ia perlu dikaji. Penulis memilih subjek ini untuk dikaji kerana penerbitan media cetak adalah antara usaha awal yang telah dilakukan oleh JAKIM dalam menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat. Selama tempoh tiga puluh tahun usia perkhidmatannya, tentu banyak terbitan telah dihasilkan dan banyak pula perkara yang berlaku berhubung kegiatan ini yang perlu diketahui. Pemilihan JAKIM sebagai objek kajian pula adalah kerana kedudukannya selaku sebuah jabatan kerajaan yang mempunyai autoriti dalam urusan pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini, dan peranannya lebih bersifat nasional jika dibandingkan dengan pihak-pihak lain.

Dalam bidang penerbitan media cetak ini, JAKIM didapati telah menerbitkan bahan-bahan bacaan yang agak penting dalam penyebaran dakwah, terdiri daripada kitab-kitab tafsir dan hadith yang digunakan dengan meluas oleh segenap lapisan masyarakat. Di samping itu terdapat juga terbitan lain yang tidak kurang

pentingnya dalam usaha membangunkan pemikiran ummah seperti buku umum, jurnal, majalah, buletin, dan risalah. Terbitan-terbitan ini perlu dikaji dan dianalisa sama ada dari sudut kuantitinya mahupun kualitinya bagi menilai sumbangan dan kejayaan bidang pendakwahan melalui media cetak ini. Perkara-perkara lain yang dikaji ialah bagaimana bentuk pengurusannya, bagaimana terbitan tersebut disebarluaskan kepada masyarakat, bagaimana pula sambutan masyarakat terhadapnya, dan apakah masalah-masalah yang dihadapi. Semua ini mempunyai tujuan untuk mendapatkan maklumat tentang peranan yang telah diberikan oleh JAKIM dalam bidang dakwah melalui media cetak di negara ini. Seterusnya daripada penemuan hasil penyelidikan ini disusulkan saranan-saranan konstruktif sebagai pengukuhan kepada JAKIM dalam mengharungi bidang ini pada masa-masa akan datang.

Semasa menjalankan kajian ini, penulis berhadapan beberapa masalah, antaranya berkaitan sumber rujukan. Penulis mendapati bidang yang dikaji ini secara spesifiknya tidak banyak ditulis. Buku-buku yang ada, sama ada dalam subjek dakwah ataupun media cetak, kebanyakannya membicarakan aspek-aspek yang agak luas dan umum meliputi persoalan-persoalan konsep dan teoritikal. Kurang sekali tulisan-tulisan yang menyentuh secara khusus tentang usaha-usaha dakwah menerusi media cetak. Masalah lain berkaitan sumber rujukan juga ialah kesukaran penulis untuk mendapatkan beberapa maklumat berkaitan penerbitan media cetak JAKIM kerana wujudnya kelemahan dalam sistem penyimpanan maklumat di Bahagian Penerbitannya. Walau bagaimanapun, perkara-perkara tersebut bukanlah menjadi halangan besar sehingga menjaskan tumpuan penulis untuk menyiapkan kajian ini.

Pada umumnya, kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini berasaskan dua cara, iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Penyelidikan perpustakaan ialah penyelidikan yang dilakukan oleh penulis di perpustakaan-perpustakaan bagi mendapatkan maklumat yang berbentuk dokumentasi dan teoritikal. Penyelidikan lapangan ialah penyelidikan secara terus terhadap subjek kajian, iaitu aktiviti penerbitan media cetak JAKIM. Dalam hubungan ini penyelidikan dibuat terhadap dokumen-dokumen yang terdapat di agensi berkenna seperti fail-fail, bahan penerbitannya dan lain-lain yang berkaitan. Maklumat yang ditemui dikumpul dan ditafsirkan bagi memastikan ia adalah maklumat yang tepat, konkret dan bernilai. Bagi maksud ini penyelidikan ke atas subjek ini menggarap aspek persejarahan sebagai satu metode untuk menentukan ketepatan sesuatu peristiwa. Selain daripada metode persejarahan, maklumat juga dikumpul melalui metode dokumentasi. Dokumen bermakna bahan bertulis yang dapat memberi pelbagai keterangan yang terdiri daripada buku, majalah, risalah, peraturan-peraturan, piagam, surat, catatan perbincangan, minit mesyuarat, dan sebagainya.

Metode temubual juga digunakan dalam penyelidikan ini. Tokoh-tokoh penting dalam JAKIM dan juga pihak-pihak yang bersangkutan di luar JAKIM adalah sumber bernilai yang memiliki maklumat berhubung subjek yang diselidik. Maklumat secara lisan daripada seseorang responden itu lebih senang diperoleh kerana mereka tidak mempunyai banyak masa untuk menurunkannya dalam bentuk tulisan. Pengamatan langsung atau observasi terhadap subjek yang diselidik juga menjadi salah satu metode yang digunakan dalam penyelidikan ini. Penggunaan metode ini adalah untuk memperlengkap lagi maklumat yang diperoleh melalui metode lain.

Untuk menyempurnakan kajian ini, penulis telah membahagikan perbincangan kepada lima bab. Setiap bab diolah secara tahap demi tahap mengikut kesesuaian susunan terhadap subjek yang diselidik. Bab satu membincangkan tentang media cetak dan dakwah, iaitu meliputi sejarah media cetak, peranannya secara umum, peranannya dalam bidang dakwah, dan penggunaannya sebagai wasilah dakwah di Malaysia. Bab dua menerangkan tentang latar belakang JAKIM, iaitu sejarah penubuhan, struktur organisasi, visi dan misi, objektif dan fungsi, dan aktiviti-aktiviti yang menjadi tanggungjawab JAKIM secara keseluruhannya. Dalam bab ini juga difokuskan kepada jurusan yang agak spesifik iaitu latar belakang aktiviti penerbitan media cetak JAKIM, bentuk media cetak yang diusahakan, dan sambutan yang diberikan oleh masyarakat terhadapnya. Dalam bab tiga pula, perkara-perkara yang ditinjau ialah masalah yang dihadapi JAKIM dalam urusan dakwah melalui media cetak. Setelah dikenalpasti masalah-masalah yang dihadapi, dalam bab empat diketengahkan alternatif-alternatif yang sesuai ke arah meningkatkan lagi usaha-usaha yang telah dijalankan. Bab lima ialah kesimpulan dan saranan. Dalam bab ini dirumuskan penulisan penyelidikan dan dipaparkan hasil-hasil penemuannya. Daripada penemuan-penemuan itu dikemukakan saranan-saranan tertentu yang diharap akan membantu memajukan lagi aktiviti dakwah melalui media cetak yang dilaksanakan oleh JAKIM ini.